



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka  
Jalan Istana, Bukit Beruang  
75450 Melaka

Pengarah : 06-2323782  
Timbalan : 06-2323781  
Pejabat Am : 06-2323777  
: 06-2323778  
: 06-2323779  
Peperiksaan : 06-2323780  
Faks : 06-2320500

Ruj. Kami : JPNM. SPS.MT6.600-11/2/1Jld.6(58)  
Tarikh : 09 Mac 2023

AKADEMI J&W SDN BHD  
1ST FLOOR, 51-53A  
JALAN SS25/2  
TAMAN BUKIT EMAS  
47301 PETALING JAYA  
SELANGOR  
**(U.P: DR TAN GUAN HENG (JEREMY))**

Tuan,

**KEBENARAN MENGAJURKAN KAUNSELING KURSUS UNIVERSITI DAN PEKERJAAN - PROGRAM PENAJAAN PENDIDIKAN (PPP) DISEKOLAH MENENGAH BAGI LEPASAN SPM ATAU STPM**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Jabatan Pendidikan Melaka **TIADA HALANGAN** kepada tuan untuk melaksanakan program tersebut tertakluk kepada **Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) Bil 7/1988, SPI. 24/1998, SPI Bil. 9/2004 dan Bil. 10/2011** dan tertakluk kepada syarat-syarat seperti berikut: -

- 2.1 Mendapat kebenaran/ persetujuan daripada Pengetua/Guru Besar sekolah;
- 2.2 Surat kebenaran / kelulusan ini tidak boleh digunapakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 2.3 Penyertaan warga sekolah dan murid-murid hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka;
- 2.4 Penganjur bertanggungjawab menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;
- 2.5 Murid-murid dan warga sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini;

- 2.6 Murid-murid yang terlibat perlulah mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada ibu bapa / penjaga;
- 2.7 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab untuk menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;
- 2.8 Guru-guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah mengiringi murid-murid ke program atau aktiviti berkenaan;
- 2.9 Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, murid dan guru yang terlibat
- 2.10 Mengundang sekolah-sekolah/ murid-murid adalah urusan pihak penganjur;
- 2.11 Jabatan Pendidikan Melaka berhak menarik balik surat kelulusan/ kebenaran sekiranya pihak tuan, gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuatkuasa
- 2.12 **Pihak tuan perlu mematuhi SOP terkini yang di keluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Majlis Kesihatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Negara (KKM)**
- 2.13 **Jabatan Pendidikan Negeri Melaka berhak menarik balik surat kelulusan/kebenaran sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan darsar sedia ada yang sedang berkuat kuasa serta tidak mematuhi garis panduan KPM,MKN dan KKM**


3. Untuk makluman tuan, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Melaka sedang berusaha untuk Melindungi Masa Instruksional (MMI), masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid, oleh yang demikian kami mencadangkan **supaya penglibatan murid dan guru diadakan di luar waktu PdP agar tidak menjejaskan waktu pengajaran dan pembelajaran murid; dan dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu yang dibenarkan sahaja.**

4. Kelulusan ini (**KEBENARAN MENGAJURKAN KAUNSELING KURSUS UNIVERSITI DAN PEKERJAAN - PROGRAM PENAJAAN PENDIDIKAN (PPP) DISEKOLAH MENENGAH BAGI LEPASAN SPM ATAU STPM**) hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan akan luput selepas 09 Februari 2024. Sebarang pertanyaan berhubung perkara diatas, boleh hubungi En Azli bin Musalleh, Penolong Pengarah Unit Sekolah Menengah dan Tingkatan 6 di talian 06-2322459.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”  
”MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA”  
”BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(HAJI KARIM BIN TUMIN)**  
Timbalan Pengarah Pendidikan  
Sektor Pengurusan Sekolah  
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka  
b.p Pengarah Pendidikan Negeri Melaka,

s/k – Fail Penyelaras

AA/MT6/AGENSILUAR